



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI

## KENYATAAN MEDIA

### **KUSKOP GALAK PENUBUHAN COOPMART BAGI MENANGANI PENINGKATAN KOS SARA HIDUP RAKYAT**

---

**PETALING JAYA, 15 APRIL 2023** – Sejumlah RM1.3 juta diterima oleh Koperasi Penduduk Bandar Baru Bangi Berhad menerusi Pembiayaan Tabung Modal Pusingan SKM (TMP SKM) dan RM100,000 kepada Koperasi LS 2 Selangor Berhad menerusi Geran Bantuan Pembangunan Koperasi.

Ia disampaikan oleh Menteri KUSKOP YB Datuk Ewon Benedick yang hadir pada majlis sama merasmikan Coopmart Koperasi LS 2 Selangor Berhad hari ini. Beliau percaya bahawa gerakan koperasi boleh memainkan peranan yang signifikan dalam membantu golongan rentan termasuk B40 di kawasan perbandaran bagi menangani peningkatan kos sara hidup rakyat. Ini adalah antara strategi utama Malaysia Madani dalam memastikan pengurangan Kos Sara Hidup.

Turut dianjurkan semasa majlis perasmian tersebut adalah Jualan Madani Koperasi dan Usahawan (JMKU) yang merangkumi jualan produk keperluan harian seperti ayam, daging, ikan serta telur oleh koperasi-koperasi dari negeri Selangor dengan tawaran penjimatan harga sehingga 30%. Ini jelas menunjukkan potensi besar koperasi sektor pemborongan dan peruncitan sebagai alternatif kepada rakyat untuk berbelanja dan menikmati penjimatan harga barang keperluan harian.

Sumbangan koperasi harus dilihat dari aspek peningkatan kuasa beli rakyat termasuk 7.1 juta anggota koperasi di seluruh negara dan juga kepada pertumbuhan ekonomi negara. Statistik semasa Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sehingga 31 Disember 2022 menunjukkan terdapat 2,581 buah koperasi sektor pemborongan dan peruncitan yang mempunyai CoopMart telah didaftarkan dengan nilai perolehan melebihi RM820 juta setahun.

Penubuhan CoopMart oleh koperasi di premis komuniti Program Perumahan Rakyat (PPR) sebagai contohnya, dapat membantu mengurangkan beban rakyat khususnya yang berpendapatan rendah (B40) dan sederhana (M40) melalui jualan barangan keperluan asas pada harga yang berpatutan sekali gus memberi peluang kepada ahli koperasi untuk menjana pendapatan tambahan menerusi pulangan hasil keuntungan koperasi dalam bentuk dividen syer pelaburan. Ini selari dengan nilai Ihsan dan Kesejahteraan Malaysia MADANI yang diterjemahkan dengan jelas iaitu memberi keuntungan dan manfaat kepada rakyat.

SKM sebagai agensi di bawah KUSKOP juga telah mengorak langkah awal dengan cadangan pembangunan pusat pengedaran utama atau central distribution centre (CDC) oleh Federasi Koperasi Pemborongan dan Peruncitan Malaysia Berhad bertujuan membolehkan koperasi menguasai sistem rantai nilai dalam ekosistem koperasi sekaligus membantu Kerajaan mengawal kenaikan harga barangan keperluan asas rakyat.

Sebagai Kerajaan Malaysia yang prihatin, bantuan pembangunan serta kemudahan pembiayaan yang ditawarkan ini diharap dapat

menggerakkan aktiviti dan perniagaan koperasi sebagai antara penyumbang efektif kepada pembangunan ekonomi negara. Ini bertepatan dengan nilai MADANI bagi memupuk keyakinan tinggi dan kepercayaan kepada kepimpinan dalam membantu koperator.

## **KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**

---

*Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi:  
Datin Suriani Abdul Rahman  
Ketua Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi  
Tel: 03-8883 6152 Emel: [surianiar@kuskop.gov.my](mailto:surianiar@kuskop.gov.my)*